

# Rakyat bijak hasilkan kerajaan bijak: PM

BH 22 JUL 2002

Oleh Norbakti Alias dan  
Hassan Omar

JITRA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat yang bijak menilai kebaikan dan keburukan, boleh menghasilkan kerajaan yang baik demi kebaikan semua.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan rakyat yang gagal membezakan buruk dan baik akan memilih kerajaan yang tidak mampu mentadbir negara secara berkesan.

"Kerajaan yang dibentuk itu akan menjadi sama buta kerana dipilih oleh orang yang tidak bijak.

"Sebab itu, kerajaan menerusi program K3P, berhasrat menjadikan rakyat lebih berpengetahuan, faham dan dapat menilai mengenai kebaikan dan keburukan sesuatu.

"Kita mahu rakyat faham secara mendalam dan tidak mudah terpengaruh dengan cerita palsu dan khabar angin yang disebarkan.

"Apabila kita dapat membezakan dosa dan pahala, kita dapat mengelakkan daripada melakukan perbuatan yang keji, yang tak baik," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena program K3P (Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca) di sini, petang ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan rakan sejawatnya di Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Perdana Menteri berkata, sejak kebelakangan ini, rakyat sudah dikelirukan oleh mereka yang dianggap bijak dan terpelajar dalam bidang agama yang memutar-belitkan fakta.

"Ajaran yang dibawa mereka sudah menular begitu luas sekali. Ketika ini, ada rakyat yang boleh terima cara kotor ini, mencarut, memaki dan membuat tindakan yang biadap.

"Ada juga guru agama tidak menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, sebaliknya mengajar murid

## 'Bukan semua kerajaan mampu tolong rakyat'

DARI MUKA 1

membenci kerajaan, pemimpin dan menolak parti kerajaan bagi memberikan kebaikan kepada mereka pada masa depan.

"Mereka diajar supaya tidak berterima kasih apabila menerima sesuatu tetapi harus menggigit tangan yang menghulur bantuan," katanya.

Dr Mahathir berkata ini boleh dilihat di (Dewan Undangan Negeri) Anak Bukit yang mana pegawai yang mendapat latihan dan biasiswa kerajaan melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat. kemudian pulang dan memihak kepada pihak yang mengutuk kerajaan.

Jelasnya, bukan semua kerajaan yang mampu menolong rakyat mereka tetapi di Malaysia, begitu ramai rakyat asing berhijrah ke sini untuk mencari pekerjaan kerana kerajaan negara masing-masing tidak mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka.

"Apabila kita tidak tahu berterima kasih maka masyarakat kita akan retak dan porak peranda.

"Kita hidup dalam masyarakat dan terpaksa bergantung antara satu sama lain.

"Jika mereka menolong kita dan kita pula katakan Alhamdulillah, segala puji bagi Allah kerana memberi bantuan dan menolong kita, dengan itu, akan rapatlah perhubungan antara kita dan masyarakat," katanya.